

20/07/1999

PM dakwa Siddiq Fadzil hasut pelajar

Ahmad Zaini Kamaruzzaman; Hassan Omar

GURUN, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menamakan bekas Presiden Angkatan Belia Islam (Abim), Prof Madya Dr Siddiq Fadzil, sebagai salah seorang pensyarah institusi pengajian tinggi (IPT), yang menghasut pelajar membenci kerajaan.

Perdana Menteri berkata, ada kakitangan akademik menghasut pelajar supaya membenci kerajaan dengan pelbagai tuduhan keterlaluan termasuk menyamakan pemimpin negara dengan Firaun.

Walaupun pensyarah terbabit dikenali sebagai golongan mahir dalam bidang agama, mereka lebih condong kepada politik parti pembangkang.

"Seorang pensyarah, Siddiq Fadzil cerita mengenai Firaun dan secara sindiran menyatakan Firaun, Qarun dan Namrud sama dengan pemimpin-pemimpin kerajaan.

"Ini yang diajar dalam kuliah subuh dan seminar mereka. Hanya untuk hasut pelajar supaya tidak tumpu kepada pelajaran dan dibakar hati mereka untuk berdemonstrasi.

"Ada yang tendang kereta dan bakar sampah. Hanya orang yang tidak ada otak berbuat begitu. Saya amat dukacita lihat penuntut dengan suara nyaring mengutuk pemimpin kita sebagai mahafiraun.

"Ini ajaran orang yang kononnya Islam, dalam qiamulail dan kuliah subuh mereka," katanya ketika berucap melancarkan motosikal Modenas `Jaguh' 175cc di sini, hari ini.

Dr Siddiq, yang juga Pengerusi Perunding Institut Kajian Dasar ialah pensyarah Jabatan Persuratan Melayu di Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Ini adalah pertama kali Dr Mahathir mendedahkan nama pensyarah universiti yang dikatakan terbabit menghasut pelajar. Sebelum ini, ramai pemimpin kerajaan membuat dakwaan itu tetapi tidak pernah mendedahkan pensyarah terbabit.

Diminta menjelaskan lebih lanjut pada sidang akhbarinya selepas itu, Dr Mahathir berkata beliau menerima salinan mengenai apa yang dikatakan oleh Dr Siddiq ketika mengajar sejarah Islam kepada pelajarannya.

"Dia merujuk kepada Firaun, Namrud dan Qarun. Ia jelas merujuk kepada kerajaan dan saya. Seperti yang anda tahu, saya adalah mahafiraun.

"Ini adalah jenis pengajaran kita dapat daripada mereka yang dikatakan mempunyai pengetahuan agama, walhal dalam Islam, jelas bahawa kita tidak boleh menuduh orang lain sebagai firaun.

"Jika kita buat begitu, kita sendiri yang akan menjadi firaun," katanya.

Perdana Menteri bagaimanapun berkata, kerajaan tidak akan mengambil tindakan terhadap mereka, sebaliknya akan membuktikan kepada rakyat bahawa kerajaan melaksanakan pelbagai perkara untuk rakyat.

"Pembangkang dan pembelot hanya boleh mengkritik tetapi tidak memberi sumbangan. Kita bina masjid tetapi mereka hanya datang dan mula menyalahkan kerajaan...orang yang membina masjid," katanya.

Beliau berkata, tindakan pensyarah terbabit memburukkan lagi keadaan kerana minda pelajar telah tertutup selepas dipengaruhi sepenuhnya oleh mereka.

"Sudah tentu pelajar menyatakan kerajaan tidak berbuat demikian, tetapi saya tidak boleh pergi ke kampus dan tinggal dengan pelajar bagi mempengaruhi mereka.

"Saya tidak mahu mempengaruhi mereka. Saya mahu mereka belajar kerana mereka di sana untuk belajar. Mereka menggunakan wang rakyat...semua

mereka sama ada yang membayar atau tidak membayar. Mereka menggunakan wang rakyat kerana kita membantu setiap pelajar sehingga 90 peratus," katanya.

Beliau berkata, jika kerajaan melakukan seperti yang dibuat pembangkang, ia akan mengganggu pelajar. Bagaimanapun pembangkang yang tidak bertanggungjawab, memasuki kampus untuk mempengaruhi mereka dengan pelbagai propaganda, bukan bercorak agama, tetapi politik.

Jikapun ada pun yang bercorak agama, katanya, ia dilakukan untuk kepentingan politik dan kesannya, pelajar tidak mendapat tidur mencukupi serta gagal mendapat keputusan baik.

"Mereka yang terbabit dalam demonstrasi, saya mahu tahu berapa yang lulus peperiksaan. Keadaan akan lebih buruk tetapi kita akan cuba menemui pelajar yang mampu berfikir tetapi sesetengah daripada mereka sudah menutup mata, telinga dan hati," katanya.

Mengenai penyertaan orang luar mempengaruhi pelajar, Perdana Menteri berkata, ia membabitkan semua universiti, terutama Universiti Islam Antarabangsa (UIA) yang sepatutnya menghasilkan pelajar Islam berwibawa.

"Malangnya, ketika seseorang menjadi rektor UIA, pelajarnya turut dipengaruhi dengan pandangan politiknya.

"Kegiatan mereka bercanggah dengan Akta Kolej dan Universiti tetapi jika kerajaan mengambil tindakan, dunia akan berkata kita menekan pelajar dan tidak mengamalkan kebebasan politik dan sebagainya. Kita tahu mereka ini disokong oleh orang asing," katanya.

(END)